

D Isi tempat kosong dengan kata nama am atau kata nama khas dalam petikan di bawah. **SP 5.1.1(i)(ii)**,


Proton Persona
Melaka

adik
beca
maskot

Si Comel
Encik Samsuri
restoran

meriam
Kota A Famosa

Pada hari Sabtu yang lalu, saya dan keluarga berkunjung ke (1) _____. Kami pergi ke sana dengan menaiki (2) _____. Ketika itu ekspo Karnival Sayang Melaka sedang berlangsung. Di karnival itu, kami dapat melihat pelbagai pameran tentang negeri tersebut. Saya dan keluarga turut bergambar dengan (3) _____ kancil yang dinamakan (4) _____.



Seterusnya, saya sekeluarga turut melawat di sekitar (5) _____ yang dibina oleh Portugis. Kami bergambar di tepi dua pucuk (6) _____ yang terdapat di hadapan kota tersebut. Selain itu, kami juga melawat ke beberapa tempat tinggalan sejarah. Saya dan (7) _____ mengambil peluang untuk menaiki (8) _____ yang dihiasi cantik mengelilingi bandar.

Sebelum pulang, kami berehat dan makan tengah hari di sebuah (9) _____ Pemiliknya, (10) _____ merupakan kenalan ayah. Saya berasa seronok dapat bercuti dengan keluarga.